

# Kerajaan negeri perlu tanggung kerugian nelayan



Pencerobohan kapal asing turut mengganggu ekosistem hidupan marin

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias  
wanti@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan negeri perlu bertanggungjawab terhadap kesan buruk ditanggung nelayan, ekoran kemusnahan alam sekitar berikutan kegiatan mengorek pasir serta penambakan pantai yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

Pakar Alam Sekitar, Dr Mohd Yusoff Ishak, berkata kerajaan negeri dan pemilik permit korek pasir memperoleh keuntungan besar tetapi nelayan dan penduduk sekitar menanggung kerugian pendapatan serta kehilangan mata pencarian akibat kegiatan itu.

Beliau yang juga pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Alam

Sekitar, Universiti Putra Malaysia, berkata setakat ini, tiada peruntukan daripada kerajaan negeri untuk pemuliharaan alam sekitar yang terjejas.

Katanya, kerajaan negeri menerusi Jabatan Tanah dan Galian (PTG) masing-masing mengeluarkan permit tetapi penguatkuasaan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan menerusi beberapa jabatan di kementerian berbeza.

"Antara jabatan terbabit ialah Jabatan Perhutanan untuk perlindungan paya bakau, Jabatan Alam Sekitar apabila kualiti air dan hidupan laut terjejas dan Jabatan Laut jika ada kapal masuk ke perairan tanpa kebenaran.

"Jabatan Perikanan pula jika sumber hasil laut terjejas dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia jika membabitkan jenayah di laut," katanya kepada BH.

BH semalam mendedahkan kegiatan mengorek pasir, penambakan pesisir pantai serta pencerobohan nelayan asing adalah di antara punca utama menjejaskan hasil laut nelayan negara ini.



Mohd Yusoff Ishak

Kemusnahan hutan bakau pinggir laut, sama ada akibat hakisan atau penebangan secara haram juga menyebabkan hidupan seperti siput dan kerang semakin pupus.

Selain menjejaskan pendapatan ribuan nelayan tempatan yang selama ini menjadikan pesisir pantai sebagai sumber rezeki mereka, penurunan hasil laut itu turut memberi kesan kepada bekalan, sekali gus menyebabkan kenaikan harga di pasaran.

Mohd Yusoff berkata, penyelarasan kuasa semua agensi penting

Keratan akhbar BH, semalam.

untuk mencapai keberkesanan dalam menangani isu itu secara proaktif dan menyeluruh.

Katanya, ini berikutan negara sedang berdepan isu sumber alam sekitar, keselamatan bekalan makanan dan hasil laut yang semakin terjejas.

"Sumber alam sekitar seperti pokok paya bakau mengambil masa lama untuk diperbaharui, tetapi kegiatan korek pasir ini boleh dilihat berlaku tanpa kawalan dan sempadan," katanya.

Beliau berkata, kegiatan korek pasir ini dilakukan sebelum permit dimohon menyebabkan kerajaan negeri tiada pilihan kecuali meluluskan kerana bimbang kerja pembangunan terencat.

"Kerajaan negeri tidak boleh terus bergantung kepada hasil balak dan pasir kerana isu alam sekitar yang dihadapi di negara kita semakin tenat," katanya.



Mohd Yusoff berkata, hasil tinjuannya ketika melakukan Kajian Logam Berat Dalam Ikan pada 2018 dan lawatan bersama komuniti di perairan seluruh negara, beliau mendapati kegiatan korek pasir sehingga menjejaskan tangkapan nelayan banyak berlaku di Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Melaka dan Johor.

"Kegiatan mengorek pasir itu sejajar dengan pembangunan yang rancak dilaksanakan di negeri masing-masing atau memenuhi permintaan negeri lain, bagaimanapun ia mengabaikan kesan alam sekitar dan penduduk berhampiran.

"Terdapat juga kapal-kapal asing dari China yang masuk perairan negara bukan sekadar menyedut pasir tetapi juga menyedut besi kapal lama yang karam di dasar laut untuk dijual sebagai barang lusuh.